

17/03/2002

`Anak Ayam' dan `Keranamu Malaysia' bergema di Kremlin

MENDENGAR ucapan Presiden Vladimir Putin dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, nyata hubungan dua hala Kuala Lumpur-Moscow sedang meningkat ke tahap lebih rapat. Tegas Putin, dia mahu perdagangan Malaysia-Russia (kini AS\$300 juta) ditingkatkan lagi hingga mencapai AS\$500 juta pada masa singkat. Dr Mahathir pula mahu kerjasama dalam bidang penerbangan (aviation) dan angkasa lepas (aerospace) diterokai dan ditingkatkan. Kemungkinan besar kita akan menubuhkan Suruhanjaya Angkasa Lepas tidak lama lagi.

Bagi Perdana Menteri lawatan ke Moscow adalah kali kedua. Kali pertama pada tahun 1987 dan saya antara ahli Parlimen yang mengiringinya. Lawatan ini adalah kali ketiga bagi saya; kali pertama dengan Tun Razak awal 1970-an.

Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin (Sapura) dan saya, selain daripada rombongan rasmi (31 orang) dijemput menghadiri majlis jamuan negara (makan tengah hari) oleh Putin di Kremlin. Lebih 200 orang dari Kerajaan, sektor swasta dan media bersama Dr Mahathir dalam lawatan ini.

Sebelum jamuan bermula, Ketua Orkestra Presiden Russia telah memberitahu saya dua lagu Melayu akan berkumandang tanpa memberitahu saya nama lagu. Selain daripada Putin dan bahagian protokol Russia, siapa pun tidak tahu lagu-lagu itu akan dipersembahkan.

Maka apabila lagu `Anak Ayam' dimainkan, bukan saja tetamu dari Malaysia (33 orang) terkejut, mereka amat gembira dan semua yang hadir telah memberi tepukan gemuruh.

Selama jamuan itu lagu klasik Russia telah dinikmati dan sebelum jamuan selesai lagu `Keranamu Malaysia' telah dimainkan yang mendapat sambutan dan tepukan lebih hebat. Langsung Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kepada saya: "Hebat! Hebat!"

Datuk Seri Najib Tun Razak pula telah memberi tahu saya besar kemungkinan satu pilihan raya kecil akan berlaku di Kelantan. Tatkala itu hati saya lebih berminat berbicara tentang muzik, bukan politik. Apa lagi tentang politik Kelantan yang minat saya hampir tiada langsung. Lagipun apa yang akan berlaku di Kelantan mudah diramalkan.

Pelajar Malaysia di Russia mahu Rumah Malaysia di Moscow

Dua tahun lepas tiada pelajar Malaysia di Russia. Kini hampir 100 orang, majoriti dalam bidang perubatan. Hampir semua pelajar persendirian. Pengajian tinggi di Russia murah, lebih murah daripada India. Pelajar hanya perlu RM450-RM500 sebulan, sama murah bahkan lebih murah dari sesetengah universiti awam dalam negeri. Majoriti pelajar terdiri daripada keturunan India dan Cina. Beberapa kerat terdiri daripada Melayu. Russia menjadi tumpuan pelajar kita apabila kerajaan mengiktiraf ijazah perubatan dari lima buah universiti.

Mengikuti Duta Besar Malaysia di Moscow, Datuk Kamarudin Mustafa (orang Kok Lanas) besar kemungkinan jumlah akan berganda pada 2003.

Pelajar yang saya bergaul memohon kerajaan menubuhkan Rumah Malaysia di Moscow seperti adanya Dewan Malaysia di London dan Rumah Melayu di Kaherah.

Dr Mahathir telah menasihati pelajar tekun belajar. Jangan membazir masa dengan kegiatan-kegiatan yang tiada kena-mengena dengan menimba ilmu seperti kelaziman berlaku di sesetengah daripada 14 universiti kerajaan di Malaysia.

Saya berharap Petronas, Mara, kerajaan negeri dan ibu bapa menghantar

muda-mudi kita belajar di Russia. Bahasa pengantar adalah Inggeris tetapi bahasa Russia menjadi mata pelajaran wajib.

Russia Baru semenjak 1991

Semenjak terhapusnya komunisme 11 tahun dahulu, banyak perubahan telah berlaku dalam sistem politik, kehidupan, sikap dan orientasi di kalangan rakyat Russia. Mereka kini mengamal demokrasi ala presiden dengan jayanya setelah 74 tahun di bawah komunisme. Kebebasan agama terjamin. Dalam lawatan Tun Razak terdahulu dan Dr Mahathir pada tahun 1987 Russia tiada mufti.

Pada jamuan makan tengah hari meraikan Dr Mahathir, Mufti Russia, Ravil Gainutdin telah hadir dan berbicara dengan tetamu dari Malaysia termasuk saya.

Taraf hidup orang Russia sedang meningkat. Sains angkasa lepas, teknologi tentera dan senjata; perubahan Russia canggih dan terutama kebudayaan Russia seperti berlakunya kepada kebudayaan lain terdahulu sedang diancam pengaruh Amerika, seolah-olah sudah di Amerikanisasikan. Nyata keprihatinan dan minat terhadap kebudayaan Russia tidak seperti zaman komunis di mana kebudayaan menjadi alat propaganda politik dan mendapat kedudukan utama. Kegiatan kebudayaan tidak lagi hebat seperti dahulu. Kalau zaman komunis dipengaruhi dan orientasinya sosialisme dan komunisme, sekarang di bawah pengaruh komersialisme!

Dinamik (dynamics) bisnes atau komer-sialisme yang menentukan peranan kebudayaan dan kegiatannya. Moscow jelas lebih makmur sekarang, tetapi dalam sistem ekonomi pasaran terlihat jalan raya dan lebuhraya dipenuhi kereta mewah. Tetapi ramai pula pengemis khususnya pada hari Jumaat di perkarangan masjid dan di depan panggung Bolshoi serta tempat-tempat tertentu di kota raya Moscow.

Sewaktu menunaikan solat fardu Jumaat di Masjid Prospect Mira, Mufti Ravil memuji Dr Mahathir kerana berjaya menaikkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang patut dicontohi hingga dia diiktiraf sebagai wira Islam sejagat. Khutbah dan sembahyangnya ringkas.

Jumaat malam, Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan VVIP lain telah menonton Ballet Bolshoi Russia yang tersohor itu. Kisah Giselle, seorang gadis petani yang jatuh cinta dengan seorang bangsawan yang menyamar sebagai seorang petani. Hilarion, pemuda petani yang cintakan Giselle telah membongkarkan ini. Giselle amat kecewa tetapi terus mencintai Albrecht (pemuda bangsawan). Oleh kerana cintanya, kepercayaan dan impiannya telah dibinasakan oleh pembongkaran itu, Giselle jadi gila dan mati.

Apa pun mengikut kisah itu, cinta suci murni Giselle telah menjadi lebih kuat selepas kematiannya. Adegan Giselle di syurga dipersembahkan. Albrecht tidak boleh lupakan Giselle dan Hilarion kesal dan merana atas kelakuannya. Satu kisah romantik dan menyayat hati.

Dari mana datangnya cinta?

dkl@nstp.com.my

(END)